

PM rasmi Pusat Komputer Kampung Padang Jambu

BH 27 JUL 2001

Oleh Ahmad Zaini
Kamaruaman
dan Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis ~ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pusat Komputer Kampung Padang Jambu Dalam, Simpang Empat Kangkong, dekat sini.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira 45 minit meninjau kemampuan murid dan pelajar sekolah di kampung berkenaan menggunakan komputer yang disediakan Umno Cawangan Kampung Padang Jambu Dalam.

Pusat berkenaan dibina Umno cawangan terbabit hasil usaha Timbalan Ketua Umno Bahagian Kuala Kedah, Azman Datuk Abdul Manaf, bertujuan membolehkan murid dan pelajar mempelajari peng-

gunaan komputer, sekaligus mendalami kemajuan teknologi maklumat (IT).

Pusat berkenaan menempatkan 15 unit komputer peribadi yang diperoleh Umno cawangan terbabit melalui sumbangan terbitan tokoh korporat.

Murid dan pelajar sekolah yang menggunakan komputer terbabit dibahagikan kepada tiga kumpulan, iaitu yang berusia antara lapan hingga 10 tahun, 11 hingga 13 tahun dan 14 hingga 17 tahun.

Setiap pelajar diberikan pefuang menggunakan komputer berkenaan minimum dua jam seminggu.

Setakat ini, seramai 240 murid dan pelajar sudah mendaftarkan diri untuk mengikuti program pembelajaran komputer yang disediakan tenaga pengajar dari Institut Kemahiran Mara (IKM) bandar ini.

Sejurus selepas itu, Dr Mahathir merasmikan mesyuarat agung Koperasi Pekan Rabu Alor Setar Bhd di bandar ini, iaitu organisasi yang bertanggungjawab mengendalikan perniagaan 180 peniaga Bumiputera di Kompleks Pekan Rabu (Pekan Rabu).

Beliau turut meluangkan masa melawat projek mengubah suai persekitaran Pekan Rabu untuk dijadikan sebagai 'Che Det Mall' dan 'Che Det Walk,' memabitkan kos kira-kira RM13 juta.

Projek yang mengambil sempena nama timangan Dr Mahathir itu bertujuan meningkatkan imej Pekan Rabu sebagai pusat jualan pelbagai jenis barangan yang diusahakan peniaga Bumiputera.

Antara lain, projek itu mengandungi fasa pembinaan laluan pejalan kaki

yang menghubungkan Jalan Tunku Ibrahim dengan Jalan Langgar bagi menghubungkan kompleks itu dengan Arked Empire.

Perdana Menteri ketika zaman remajanya pernah berniaga di kompleks itu.

Selain mengubah suai persekitaran kompleks berkenaan, bangunan lima tingkat yang setakat ini menempatkan pejabat Mara negeri akan diubah suai menjadi hotel kos sederhana.

Fasa terakhir projek berkenaan ialah pembinaan Dataran Sungai Raja antara Kompleks Pekan Rabu dengan Menara Sentosa.

Selain itu, kawasan tempat letak kereta di hadapan Bangunan Tunku akan dijadikan Dataran Tunku yang bakal dijadikan tempat sambutan perayaan penting seperti Hari Kebangsaan peringkat negeri.